

INSENTIF PEMBAIKAN BANGUNAN WARISAN KATEGORI I & II DALAM TAPAK WARISAN DUNIA UNESCO GEORGE TOWN

MAKLUMAT UMUM

(Ver. 20240108)

1. Pendahuluan

George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) menjemput pemilik bangunan warisan (atau wakil yang diturunkan kuasa) untuk mengemukakan permohonan bagi program insentif yang direka khas untuk Bangunan Warisan Kategori I dan Kategori II di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town.

Insentif ini bertujuan untuk membantu pemilik bangunan menjalankan kerja-kerja pembaikan pada bangunan mereka. Adalah diharapkan bahawa kerjasama antara sektor awam, swasta, dan profesional ini akan memberikan nafas baru yang sangat diperlukan untuk Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town dengan menjaga dan melestarikan Nilai Keunggulan Sejagat.

2. Insentif Pembaikan

- a) Setiap Bangunan Warisan Kategori I di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town boleh memohon untuk pemberian peruntukan geran maksimum RM200,000.00 bagi setiap unit.
- b) Setiap Bangunan Warisan Kategori II di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town boleh memohon untuk pemberian peruntukan geran maksimum RM50,000.00 bagi setiap unit.

3. Tempoh Permohonan

Fasa 1: 8 Januari 2024 hingga 8 Mac 2024.

4. Kelayakan Permohonan

- a) Individu warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas.
- b) Pemilik (atau wakil yang diturunkan kuasa) tapak dan bangunan warisan Kategori I atau Kategori II di dalam Kawasan Warisan Dunia UNESCO George Town [**Rujukan: Surat Penurunan Kuasa**].
- c) Skop kerja hanya merangkumi Permit Pembaikan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).
- d) Kerja fizikal belum bermula di tapak.

- e) Pemilik boleh membuat permohonan sama ada telah memperolehi atau tanpa Permit Pembaikan. GTWHI akan membantu dalam permohonan Permit Pembaikan dengan MBPP bagi pemohon yang belum memperolehi permit.
- f) Pemberian geran akan diberikan berdasarkan impak positif kepada Nilai Keunggulan Sejagat.
- g) Pemohon perlu mengemukakan sekurang-kurangnya 2 sebut harga dari kontraktor yang berpangkalan di Pulau Pinang bagi kerja yang dicadangkan [**Rujukan: Senarai Semak Sebut Harga**].
- h) Untuk menggalakkan lebih banyak kontraktor menceburi kerja-kerja pembaikan bangunan warisan, kontraktor yang berdaftar dengan CIDB di bawah Kategori Bangunan dengan pengkhususan B03 (Pemulihan dan Pemuliharaan) dan B04 (Kerja-kerja Am Bangunan) adalah berkelayakan.

5. Skop Kerja

Skop kerja yang disyorkan di bawah insentif ini adalah seperti berikut:

- a) Kerja-kerja pembersihan bangunan
- b) Pemasangan pemegang rel tangan
- c) Pengecatan luaran bangunan
- d) Pengecatan dalaman bangunan
- e) Pemasangan Kamera Litar Tertutup (hanya untuk bangunan warisan Kategori I)
- f) Pemasangan Defibrilator Luaran Automatik (hanya untuk bangunan warisan Kategori I)
- g) Pemindahan kompresor penghawa dingin dan saluran paip
- h) Pembersihan tumbuhan pada bangunan
- i) Pembaikan fasad bangunan sedia ada
- j) Pembaikan bumbung sedia ada
- k) Pembaikan tangga sedia ada
- l) Pembaikan dinding dalaman dan luaran
- m) Pembaikan lantai kayu sedia ada
- n) Pembaikan lantai tingkat bawah
- o) Pembaikan tingkap
- p) Pembaikan pintu
- q) Pembaikan semula elemen hiasan bangunan
- r) Pembaikan telaga udara
- s) Pemulihan telaga udara
- t) Rawatan anti anai-anai
- u) Penambahbaikan pendawaian elektrik
- v) Penambahbaikan talang air dan paip air hujan
- w) Penambahbaikan sistem saliran dalaman bangunan
- x) Rasuk keluli untuk menyokong struktur usang
- y) Kerja-kerja lain yang berkaitan

6. Perkara yang tidak diambil kira

- a) Kerja fizikal yang telah dimulakan di tapak.
- b) Pembelian perabot, peralatan, atau aset.
- c) Pembayaran sewa atau bil utiliti.
- d) Pembaikan bersifat kosmetik untuk bangunan.
- e) Reka bentuk dalaman.
- f) Caj bank.
- g) Kos cetakan.

Senarai di atas tidak terhad kepada atau menyeluruh, kerana setiap permohonan akan dinilai berdasarkan setiap kes.

7. Kaedah Permohonan

Penyerahan melalui borang atas talian boleh dibuat menerusi pautan seperti berikut:

Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori I di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town

<https://na3.ragic.com/gtwhi/beam/12?webview&webaction=form&ver=new&version=2>



Insentif Pembaikan Bangunan Warisan Kategori II di dalam Tapak Warisan Dunia UNESCO George Town

<https://na3.ragic.com/gtwhi/beam/13?webview&webaction=form&ver=new&version=2>



Maklumat terjemahan Borang Permohonan boleh didapati dalam Bahasa Malaysia dan Mandarin sebagai rujukan [**Rujukan: Borang Permohonan (BM), Borang Permohonan (BC)**]. Rujuk Carta Aliran untuk proses yang terperinci [**Rujukan: Carta Aliran**].

8. Dokumen Sokongan

- a) Surat Akujanji dari Pemilik Bangunan dan Tanah.

- b) Surat Persetujuan dari Pemilik Bangunan dan Tanah.
- c) Salinan Kad Pengenalan (dipalang “Untuk Kegunaan GTWHI” pada hujung atas kiri).
- d) Pendaftaran Persatuan, Syarikat, atau Organisasi.
- e) Senarai Pemilik atau Ahli Jawatankuasa.
- f) Geran Hak Milik.
- g) Pelan Akuan (6 Bulan terkini yang diperakui oleh pejabat tanah).
- h) Cukai Taksiran/Pintu.
- i) Cukai Tanah.
- j) Gambar sebelum kerja dijalankan.
- k) Skim warna pengecatan (sekiranya berkaitan).
- l) Dokumen-dokumen berkaitan lain (jika diperlukan).

9. Terma dan Syarat

- a) Latihan mengenai kaedah kerja warisan akan disediakan untuk pemilik bangunan warisan dan kontraktor semasa pelaksanaan projek ini.
- b) Semua pemohon akan menerima makluman bertulis keputusan Jawatankuasa .
- c) Pemohon yang berjaya perlu menandatangani perjanjian dengan GTWHI.
- d) Pembayaran akan dibuat kepada kontraktor yang dilantik setelah mendapat arahan bertulis daripada Pemilik Bangunan berdasarkan kemajuan projek seperti berikut:
 - 10% selepas menandatangani perjanjian dengan GTWHI
 - 40% bagi kerja mencapai kemajuan 50%
 - 50% bagi kerja mencapai kemajuan siap 100%
- e) Pemilik perlu mengekalkan penyewa jangka panjang sedia ada (lebih 20 tahun atau 3 generasi) di dalam premis yang berjaya menerima geran selama tempoh yang dipersetujui bersama GTWHI.
- f) Pemilik tidak boleh menjual atau melakukan transaksi ke atas premis yang berjaya menerima geran untuk tempoh yang dipersetujui bersama GTWHI.

10. Maklumat Lanjut

- a) Muhammad Hijas Bin Sahari (016-4823430)
- b) Chuah Ai Kheng (012-4310507)
- c) Muhammad Luqman Mohamad Shukri (013-4348414)
George Town World Heritage Incorporated
No. 116 & 118, Lebuah Aceh, 10200, George Town, Pulau Pinang.
Emel: beam@gtwhi.com.my

SENARAI SEMAK SEBUT HARGA

- a) Alamat bagi lokasi kerja yang akan dijalankan
- b) Tarikh Sebut Harga dikeluarkan
- c) Tempoh sah laku Sebut Harga (sekurang-kurangnya 3 bulan)
- d) Nama individu dinyatakan pada Sebut Harga yang dikeluarkan
- e) Jawatan individu yang mengeluarkan Sebut Harga
- f) Skop kerja/produk/perkhidmatan beserta spesifikasi
- g) Kuantiti kerja/produk/perkhidmatan
- h) Kaedah Tata Cara Kerja
- i) Keperluan penghantaran
- j) Terma Rujukan
- k) Jadual masa kerja (jumlah minggu diperlukan)
- l) Terma Bayaran (10% selepas menandatangani perjanjian dengan GTWHI, 40% apabila kemajuan kerja mencapai 50%, 50% apabila kemajuan kerja siap sepenuhnya)
- m) Profil syarikat (carta organisasi dan ahli pasukan)
- n) Salinan sijil Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
- o) Salinan sijil Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB)
- p) Pengalaman kerja (5 projek terkini yang telah siap, tahun siap, kos projek, lokasi projek)
- q) Integrity Pact dengan GTWHI



George Town World Heritage Incorporated (GTWHI) 899127-U
116 & 118, Lebuah Aceh, 10200 George Town,
Pulau Pinang, Malaysia.
T: +604 261 6606 • F: +604 261 6605 • E: info@gtwhi.com.my
www.gtwhi.com.my



MELAKA & GEORGE TOWN
Historic Cities of
the Straits of Malacca


CARTA ALIRAN

1. PERMOHONAN



1. Surat Akujanji dari Pemilik Bangunan dan Tanah.
2. Surat Persetujuan dari Pemilik Bangunan dan Tanah.
3. Salinan Kad Pengenalan (dipalang "Untuk Kegunaan GTWHI" pada hujung atas kiri).
4. Pendaftaran Persatuan, Syarikat, atau Organisasi.
5. Senarai Pemilik atau Ahli Jawatankuasa.
6. Geran Hak Milik.
7. Pelan Akuan (6 Bulan terkini yang diperakui oleh pejabat tanah).
8. Cukai Taksiran/Pintu.
9. Cukai Tanah.
10. Gambar sebelum kerja dijalankan.
11. Skim warna pengecatan (sekiranya berkaitan).
12. Dokumen-dokumen berkaitan lain (jika diperlukan).

2. PENILAIAN



3. KELULUSAN: DOKUMENTASI



4. KELULUSAN: PELAKSANAAN DAN PEMBAYARAN



5. KERJA BELUM SELESAI

